



31 Disember 2018  
31 December 2018  
P.U. (A) 390

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGEQUALIAN)  
(NO. 11) 2018

*INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 11) ORDER 2018*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) (NO. 11) 2018

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 11) 2018**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa mulai 20 November 2012.

**Tafsiran**

2. (1) Dalam Perintah ini—

“aktiviti yang layak” ertinya suatu aktiviti yang ditentukan oleh Menteri sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1 dan Jadual 2;

“Koridor Pembangunan Sabah” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Enakmen Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah 2009 [*No. 1/2009*];

“syarikat berkaitan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam subseksyen 2(1) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*].

(2) Kecuali bagi subperenggan 5(1) dan (2), perenggan 46 dan 55 Jadual 3 kepada Akta hendaklah terpakai berhubung dengan apa-apa sebutan mengenai “dilakukan” dalam Perintah ini, dan perkataan “melakukan” hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

**Syarikat yang layak**

3. (1) Syarikat yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah suatu syarikat yang—

- (a) diperbadankan di bawah Akta Syarikat 2016 [*Akta 777*];
- (b) bermastautin di Malaysia; dan
- (c) mendapat kelulusan daripada Menteri untuk menjalankan suatu aktiviti yang layak bagi Koridor Pembangunan Sabah.

(2) Jika syarikat yang layak ialah suatu syarikat yang telah diberikan pengecualian di bawah Perintah ini, mana-mana syarikat berkaitan kepada syarikat itu tidak layak mendapat pengecualian di bawah Perintah ini berhubung dengan aktiviti yang layak yang sama.

**Perbelanjaan modal yang layak**

4. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), perbelanjaan modal yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah perbelanjaan modal yang dinyatakan dalam ruang (4) Jadual 1 dan Jadual 2 yang dilakukan oleh syarikat yang layak berhubung dengan suatu bangunan, kilang, jentera atau loji yang digunakan di Malaysia semata-mata bagi maksud menjalankan aktiviti yang layak.

(2) Melainkan jika dinyatakan selainnya dalam Jadual, perbelanjaan modal yang layak tidak termasuk perbelanjaan modal yang dilakukan ke atas—

- (a) mana-mana bangunan yang digunakan sebagai tempat tinggal seseorang; atau
- (b) mana-mana jentera atau loji yang disediakan secara keseluruhannya atau sebahagiannya bagi kegunaan pengarah atau individu yang merupakan anggota pengurusan, pentadbiran atau pekerja perkeranian bagi syarikat yang layak itu.

### **Pengecualian**

5. (1) Menteri mengecualikan suatu syarikat yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada aktiviti yang layak, yang bersamaan dengan amaun elaun sebanyak seratus peratus daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh syarikat yang layak itu.

(2) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) adalah bagi tempoh—

(a) lima tahun berturut-turut berkenaan dengan aktiviti yang layak sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 1; atau

(b) sepuluh tahun berturut-turut berkenaan dengan aktiviti yang layak sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2,

bermula dari tarikh perbelanjaan modal yang layak yang pertama yang dilakukan oleh syarikat yang layak sebagaimana yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah.

(3) Tarikh permulaan yang disebut dalam subperenggan (2) tidak boleh lebih awal daripada tiga tahun sebelum tarikh permohonan bagi pengecualian dibuat dan tidak boleh lebih awal daripada 20 November 2012.

(4) Jika suatu syarikat yang layak melakukan perbelanjaan modal yang layak yang pertama berkenaan dengan aktiviti yang layak yang disebut dalam subperenggan (1) yang akan dijalankan, maka perbelanjaan itu hendaklah disifatkan telah dilakukan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran di mana syarikat yang layak memulakan aktiviti yang layak itu.

(5) Permohonan bagi pengecualian di bawah Perintah ini hendaklah dibuat kepada Menteri melalui Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah pada atau selepas 20 November 2012 tetapi tidak lewat daripada 31 Disember 2020.

(6) Bagi maksud aktiviti yang layak di bawah Butiran 1 Jadual 1 dan Butiran 1 Jadual 2, Perintah ini hendaklah terpakai bagi syarikat yang layak yang menjalankan aktiviti yang layak itu sebagai pengendali.

(7) Pengecualian yang diberikan di bawah Perintah ini adalah tertakluk kepada syarikat yang layak mematuhi semua syarat yang dikenakan oleh Menteri berhubung dengan pengecualian itu.

(8) Tiada apa-apa dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan syarikat yang layak itu daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain, di bawah Akta.

(9) Bagi maksud perenggan ini, “Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah” ertinya pihak berkuasa yang ditubuhkan di bawah Enakmen Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah 2009.

### **Pendapatan berkanun**

6. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), pendapatan berkanun yang disebut dalam subperenggan 5(1) dalam tempoh asas bagi setiap tahun taksiran hendaklah ditentukan selepas memotong elaun yang boleh diberikan di bawah Jadual 3 kepada Akta walaupun tiada tuntutan bagi elaun itu dibuat.

(2) Jika suatu bangunan, kilang, jentera atau loji digunakan bagi maksud suatu aktiviti yang layak juga digunakan bagi maksud suatu aktiviti selain suatu aktiviti yang layak, maka amaun elaun yang kena dibuat di bawah Jadual 3 kepada Akta hendaklah dipotong sebagaimana munasabah mengambil kira setakat yang bangunan, kilang, jentera atau loji itu digunakan bagi maksud aktiviti yang layak.

(3) Jika pengecualian diberikan kepada suatu syarikat yang layak di bawah subperenggan 5(1) bagi suatu tahun taksiran, suatu amaun yang bersamaan dengan amaun elaun yang disebut dalam subperenggan 6(1) hendaklah dikecualikan daripada cukai bagi tahun taksiran itu.

(4) Jika, oleh sebab ketiadaan atau ketidakcukupan pendapatan berkanun, pengecualian tidak boleh diberikan atau tidak boleh diberikan sepenuhnya sebagaimana yang syarikat yang layak itu berhak di bawah subperenggan 5(1) bagi tahun taksiran itu, maka sekian banyak daripada pendapatan berkanun yang berkenaan dengannya pengecualian tidak boleh diberikan bagi tahun taksiran itu, hendaklah diberikan pengecualian bagi tahun taksiran pertama yang berikutnya bagi tempoh asas yang syarikat yang layak itu mempunyai pendapatan berkanun daripada aktiviti yang layak, dan bagi tahun atau tahun-tahun taksiran yang berikutnya sehinggalah pengecualian diberikan berkenaan dengan keseluruhan pendapatan berkanun sebagaimana yang syarikat yang layak itu berhak di bawah subperenggan 5(1).

### **Pelupusan bangunan, kilang, jentera atau loji dalam tempoh dua tahun**

7. Jika perbelanjaan modal yang layak dilakukan oleh suatu syarikat yang layak ke atas bangunan, kilang, jentera atau loji yang digunakan bagi maksud suatu aktiviti yang layak dan bangunan, kilang, jentera atau loji itu dilupuskan pada bila-bila masa dalam tempoh dua tahun dari tarikh perolehan bangunan, kilang, jentera atau loji itu, pengecualian yang diberikan berkenaan dengan amaun pendapatan berkanun yang bersamaan dengan amaun elaun bagi perbelanjaan modal yang layak itu hendaklah ditarik balik dalam tempoh asas bagi tahun taksiran yang bangunan, kilang, jentera atau loji itu dilupuskan.

### **Penentuan perbelanjaan modal yang layak bagi bangunan, kilang, jentera atau loji yang dilupuskan kepada syarikat berkaitan**

8. Jika syarikat yang layak melupuskan kepada syarikat berkaitannya apa-apa bangunan, kilang, jentera atau loji yang berkenaan dengannya pengecualian dipohon oleh syarikat yang layak itu di bawah Perintah ini, amaun perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan oleh syarikat berkaitan itu hendaklah disifatkan sebagai suatu jumlah yang bersamaan dengan sifar.

### **Penarikan balik pengecualian**

9. (1) Menteri boleh menarik balik pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan 5(1) sekiranya syarikat yang layak gagal untuk mematuhi mana-mana syarat yang dikenakan berhubung dengan pengecualian itu.

(2) Jika pengecualian ditarik balik mengikut subperenggan (1), pengecualian yang diberikan di bawah subperenggan 5(1) berkenaan dengan apa-apa amaun pendapatan berkanun hendaklah disifatkan tidak diberikan kepada syarikat yang layak itu dari tahun pertama tempoh yang disebut dalam subperenggan 5(2).

### **Punca berasingan dan akaun berasingan**

10. (1) Jika syarikat yang layak menjalankan suatu aktiviti yang layak dan aktiviti selain aktiviti yang layak, setiap aktiviti hendaklah dikira sebagai suatu punca berasingan dan berlainan bagi aktiviti itu.

(2) Syarikat yang layak yang diberikan pengecualian di bawah subperenggan 5(1) hendaklah menyenggara suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada setiap aktiviti yang disebut dalam subperenggan (1).

### **Ketidakkapaian**

11. Perintah ini tidak terpakai bagi suatu syarikat yang layak yang dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran—

- (a) telah terlibat dalam suatu aktiviti yang layak sebelum tarikh permohonan dibuat kepada Menteri dalam subperenggan 5(5);
- (b) telah membuat suatu tuntutan bagi elaun pelaburan semula di bawah Jadual 7A kepada Akta atau elaun pelaburan di bawah Jadual 7B kepada Akta;
- (c) telah diberikan apa-apa insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 berkenaan dengan aktiviti yang layak yang sama;
- (d) telah diberikan pengecualian di bawah Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 12) 2018 [*P.U. (A) 391/2018*];

- (e) telah diberikan pengecualian di bawah perenggan 127(3)(b) atau subseksyen 127(3A) Akta berkenaan dengan aktiviti yang layak yang sama; atau
- (f) telah membuat suatu tuntutan bagi suatu potongan di bawah mana-mana kaedah-kaedah yang dibuat di bawah seksyen 154 Akta kecuali—
- (i) kaedah-kaedah berhubung dengan elaun di bawah Jadual 3 kepada Akta;
- (ii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan Audit) 2006 [*P.U. (A) 129/2006*]; atau
- (iii) Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan bagi Perbelanjaan berhubung dengan Yuran Kesetiausahaan dan Yuran Pemfailan Cukai) 2014 [*P.U. (A) 336/2014*].

JADUAL 1

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak	(4) Perbelanjaan modal yang layak
1.	Hotel dan tempat peranginan	Perniagaan hotel atau tempat peranginan	<p>(a) Pembinaan atau pembelian suatu bangunan hotel mengikut standard yang diluluskan di Malaysia</p> <p>(b) Pengubahan, peluasan dan pengubahsuaian suatu bangunan hotel</p>



(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak	(4) Perbelanjaan modal yang layak
			<i>(c)</i> Penyediaan jentera, loji atau kemudahan lain
2.	Kreatif	<p><i>(a)</i> Akademi senireka</p> <p>(i) Rekaan produk</p> <p>(ii) Rekaan fesyen/aksesori</p> <p><i>(b)</i> Akademi seni</p> <p>(i) Seni dan kraf</p> <p>(ii) Lukisan</p> <p>(iii) Seni arca</p> <p><i>(c)</i> Sekolah seni persembahan</p> <p>(i) Tarian</p> <p>(ii) Drama</p> <p>(iii) Muzik</p>	Pembinaan atau pembelian bangunan, jentera atau loji

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak	(4) Perbelanjaan modal yang layak
3.	Perkilangan hiliran ternakan	<p><i>(a)</i> Makanan lembu</p> <p><i>(b)</i> Produk berasaskan tenusu</p> <p><i>(c)</i> Produk berasaskan daging</p>	<p><i>(a)</i> Pembinaan atau pembelian kilang</p> <p><i>(b)</i> Pembinaan atau pembelian bangunan</p> <p><i>(c)</i> Penyediaan jentera atau loji</p>
4.	Perkilangan hiliran aktiviti kelapa sawit	<p><i>(a)</i> Oleokimia</p> <p><i>(b)</i> Bahan api bio</p> <p><i>(c)</i> Produk makanan bebas lemak trans</p>	<p><i>(a)</i> Pembinaan atau pembelian kilang</p> <p><i>(b)</i> Pembinaan atau pembelian bangunan</p> <p><i>(c)</i> Penyediaan jentera atau loji</p>
5.	Perkilangan hiliran aktiviti industri berat dan sederhana	<p><i>(a)</i> Produk urea dan ammonia</p> <p><i>(b)</i> Panel solar</p> <p><i>(c)</i> Pangkalan bekalan dan limbungan pemasangan marin</p>	<p><i>(a)</i> Pembinaan atau pembelian kilang</p> <p><i>(b)</i> Pembinaan atau pembelian bangunan</p> <p><i>(c)</i> Penyediaan jentera atau loji</p>

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak	(4) Perbelanjaan modal yang layak
		<p><i>(d)</i> Pelet bijih besi</p> <p><i>(e)</i> Besi briket panas</p> <p><i>(f)</i> Loji kuasa kitaran tergabung</p>	
6.	Hub pendidikan	<p><i>(a)</i> Universiti Swasta</p> <p><i>(b)</i> Kolej swasta</p> <p><i>(c)</i> Pusat latihan</p> <p><i>(d)</i> Pusat latihan kemahiran</p>	Pembinaan atau pembelian bangunan, jentera atau loji
7.	Aktiviti marin hiliran	Perkilangan produk akuatik	<p><i>(a)</i> Pembinaan atau pembelian kilang</p> <p><i>(b)</i> Pembinaan atau pembelian bangunan</p> <p><i>(c)</i> Penyediaan jentera atau loji</p>
8.	Perkapalan	Pembuatan dan pembaikan kapal	<p><i>(a)</i> Pembinaan atau pembelian kilang</p> <p><i>(b)</i> Pembinaan atau pembelian bangunan</p>

(1) No.	(2) Sektor	(3) Aktiviti yang layak	(4) Perbelanjaan modal yang layak
			(c) Penyediaan jentera atau loji

JADUAL 2

(1) (No.)	(2) Produk/Proses Halal	(3) Aktiviti yang layak	(4) Perbelanjaan modal yang layak
1.	Pengeluaran makanan Halal		
	(a) Pemprosesan hiliran produk tani	(a) Farmaseutikal atau biofarmaseutikal	(a) Pembinaan atau pembelian kilang
		(b) Biodiagnostik	(b) Pembinaan atau pembelian bangunan
		(c) Makanan atau bahan tambahan	(c) Penyediaan jentera atau loji
		(d) Produk hortikultur	
		(e) Nutrasetikal	
		(f) Mikrob dan probiotik	

(1) (No.)	(2) Produk/Proses Halal	(3) Aktiviti yang layak	(4) Perbelanjaan modal yang layak
	<p><i>(b)</i> Pembangunan dan pengeluaran produk halal</p> <p><i>(c)</i> Pembangunan proses halal</p>	<p><i>(a)</i> Sel atau tisu kultur</p> <p><i>(b)</i> Biopolimer</p> <p><i>(c)</i> Biomaterial</p> <p><i>(a)</i> Proses bioteknologi bagi rawatan kumbahan</p>	

Dibuat 31 Disember 2018

[Perb. 0.3865/73(S).133-3]ld.3; LHDN.01/35/(S)/42/51/231-38; PN(PU2)80/XCII]

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI DR. WAN ISMAIL  
*Timbalan Perdana Menteri*  
*yang menjalankan fungsi-fungsi Menteri Kewangan*

*[Akan dibentangkan di Dewan Rakyat menurut subseksyen 127(4) Akta Cukai Pendapatan 1967]*

INCOME TAX ACT 1967

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 11) ORDER 2018

IN exercise of the powers conferred by paragraph 127(3)(b) of the Income Tax Act 1967 [*Act 53*], the Minister makes the following order:

**Citation and commencement**

1. (1) This order may be cited as the **Income Tax (Exemption) (No. 11) Order 2018**.

(2) This Order is deemed to have effect from 20 November 2012.

**Interpretation**

2. (1) In this Order—

“qualifying activity” means an activity determined by the Minister as specified in Schedule 1 and Schedule 2;

“Sabah Development Corridor” has the same meaning assigned to it in the Sabah Economic Development and Investment Authority Enactment 2009 [*No. 1/2009*];

“related company” has the same meaning assigned to it in subsection 2(1) of the Promotion of Investments Act 1986 [*Act 327*].

(2) Except for subparagraphs 5(1) and (2), paragraphs 46 and 55 of Schedule 3 to the Act shall apply in relation to any reference to “incurred” in, this Order and the word “incurs” shall be construed accordingly.

**Qualifying company**

3. (1) The qualifying company referred to in this Order is a company which—

(a) is incorporated under the Companies Act 2016 [*Act 777*];

- (b)* is resident in Malaysia; and
- (c)* has obtained approval from the Minister to undertake a qualifying activity for the Sabah Development Corridor.

(2) Where the qualifying company is a company which has been granted an exemption under this Order, any related company to the company is not entitled to be granted an exemption under this Order in relation to the same qualifying activity.

### **Qualifying capital expenditure**

4. (1) Subject to subparagraph (2), a qualifying capital expenditure referred to in this Order is a capital expenditure as set out in column (4) of Schedule 1 and Schedule 2 incurred by a qualifying company in relation to a building, factory, machinery or plant used in Malaysia solely for the purpose of carrying on a qualifying activity.

(2) Unless otherwise stated in the Schedules, qualifying capital expenditure shall not include capital expenditure incurred on—

- (a)* any building which is used as living accommodation for a person; or
- (b)* any machinery or plant which is provided wholly or partly for the use of a director or an individual who is a member of the management, administration or clerical staff of that qualifying company.

### **Exemption**

5. (1) The Minister exempts a qualifying company in the basis period for a year of assessment from the payment of income tax in respect of statutory income derived from the qualifying activity, which is equivalent to the amount of allowance of one hundred per cent of the qualifying capital expenditure incurred by the qualifying company.

(2) The exemption referred to in subparagraph (1) shall be for a period of—

- (a) five consecutive years in respect of the qualifying activity as specified in Schedule 1; or
- (b) ten consecutive years in respect of the qualifying activity as specified in Schedule 2,

commencing from the date of the first qualifying capital expenditure incurred by the qualifying company as determined by the Sabah Economic Development and Investment Authority.

(3) The commencement date referred to in subparagraph (2) shall not be earlier than three years before the date of the application for exemption is made and shall not be earlier than 20 November 2012.

(4) Where a qualifying company incurs its first qualifying capital expenditure in relation to the qualifying activity referred to in subparagraph (1) which is about to carry on, then that expenditure shall be deemed to be incurred in the basis period for a year of assessment in which the qualifying company commences to carry on that qualifying activity.

(5) An application for exemption under this Order shall be made to the Minister through the Sabah Economic Development and Investment Authority on or after 20 November 2012 but not later than 31 December 2020.

(6) For the purpose of qualifying activities under Item 1 of Schedule 1 and Item 1 of Schedule 2, this Order shall apply to a qualifying company which undertakes a qualifying activity as an operator.

(7) An exemption granted under this Order is subject to the qualifying company complying with all the conditions imposed by the Minister in relation to the exemption.

(8) Nothing in subparagraph (1) shall absolve or be deemed to have absolved the qualifying company from complying with any requirement to submit any return or statement of accounts or to furnish any other information, under the Act.



(9) For the purpose of this paragraph, the “Sabah Economic Development and Investment Authority” means the authority established under the Sabah Economic Development and Investment Authority Enactment 2009.

### **Statutory Income**

6. (1) Subject to subparagraph (2), the statutory income referred to in subparagraph 5(1) in the basis period for each year of assessment shall be determined after deducting the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act notwithstanding that no claim for such allowances has been made.

(2) Where a building, factory, machinery or plant is used for the purposes of a qualifying activity is also used for the purposes of an activity other than a qualifying activity, then the allowances which fall to be made under Schedule 3 to the Act shall be deducted as is reasonable having regard to the extent to which the building, factory, machinery or plant is used for the purposes of the qualifying activity.

(3) Where an exemption is granted to a qualifying company under subparagraph 5(1) for a year of assessment, an amount equal to the amount of the allowance referred to in subparagraph 6(1) shall be exempted from tax for that year of assessment.

(4) Where, by reason of the absence or insufficiency of the statutory income, exemption cannot be granted or cannot be granted in full as the qualifying company is entitled under subparagraph 5(1) for that year of assessment, then so much of the statutory income in respect of which exemption cannot be granted for that year of assessment, shall be granted exemption for the first subsequent year of assessment for the basis period for which the qualifying company has statutory income from the qualifying activity, and for subsequent year or years of assessment until the exemption is granted in respect of the whole statutory income as the qualifying company is entitled under subparagraph 5(1).

**Disposal of building, factory, machinery or plant within two years**

7. Where a qualifying capital expenditure is incurred by a qualifying company on a building, factory, machinery or plant used for the purposes of a qualifying activity and such building, factory, machinery or plant is disposed of at any time within the period of two years from the date of acquisition of the building, factory, machinery or plant, the exemption granted in respect of the amount of statutory income which is equal to the amount of allowance for such qualifying capital expenditure shall be withdrawn in the basis period for the year of assessment in which the building, factory, machinery or plant is disposed of.

**Determination of qualifying capital expenditure for building, factory, machinery or plant disposed to related company**

8. Where the qualifying company disposes to its related company any building, factory, machinery or plant in respect of which an exemption is applied by the qualifying company under this Order, the amount of the qualifying capital expenditure incurred by the related company shall be deemed to be a sum equal to zero.

**Withdrawal of exemption**

9. (1) The Minister may withdraw the exemption granted under subparagraph 5(1) if the qualifying company fails to comply with any condition imposed in relation to the exemption.

(2) Where the exemption is withdrawn in accordance with subparagraph (1), the exemption granted under subparagraph 5(1) in respect of any amount of the statutory income shall be deemed to have not been granted to the qualifying company from the first year of the period referred to in subparagraph 5(2).

**Separate source and separate account**

10. (1) Where a qualifying company carries on a qualifying activity and activity other than a qualifying activity, each activity shall be treated as a separate and distinct source of the activity.

(2) The qualifying company who is granted an exemption under subparagraph 5(1), shall maintain a separate account for the income derived from each activity referred to in subparagraph (1).

**Non-application**

11. This Order shall not apply to a qualifying company which in the basis period for a year of assessment—

- (a) has engaged in a qualifying activity prior to the date the application is made to the Minister in subparagraph 5(5);
- (b) has made a claim for reinvestment allowance under Schedule 7A to the Act or investment allowance under Schedule 7B to the Act;
- (c) has been granted any incentive under the Promotion of Investments Act 1986 in respect of the same qualifying activity;
- (d) has been granted an exemption under the Income Tax (Exemption) (No. 12) 2018 [*P.U. (A) 391/2018*];
- (e) has been granted an exemption under paragraph 127(3)(b) or subsection 127(3A) of the Act in respect of the same qualifying activity; or
- (f) has made a claim for deduction under any rules made under section 154 of the Act except—
  - (i) the rules in relation to allowance under Schedule 3 to the Act;
  - (ii) the Income Tax (Deduction for Audit Expenditure) Rules 2006 [*P.U. (A) 129/2006*]; or

(iii) the Income Tax (Deduction for Expenses in relation to Secretarial Fee and Tax Filing Fee) Rules 2014 [*P.U. (A) 336/2014*].

## SCHEDULE 1

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualifying activity	(4) Qualifying capital expenditure
1.	Hotel and resort	Hotel or resort business	<p><i>(a)</i> Construction or purchase of hotel building of approved standard in Malaysia</p> <p><i>(b)</i> Alteration, extension and renovation of hotel building</p> <p><i>(c)</i> Provision of machinery, plant or other facilities</p>
2.	Creative	<p><i>(a)</i> Design academy</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(i)</i> Product design</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(ii)</i> Fashion or accessories design</p> <p><i>(b)</i> Academy of art</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(i)</i> Art and crafts</p> <p style="padding-left: 20px;"><i>(ii)</i> Drawing</p>	Construction or purchase of building, machinery or plant

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualifying activity	(4) Qualifying capital expenditure
		(iii) Sculpture  (c) School of performing arts  (i) Dance  (ii) Drama  (iii) Music	
3.	Downstream manufacturing of livestock and animal feed	(a) Cattle feed  (b) Dairy-based products  (c) Meat-based products	(a) Construction or purchase of factory  (b) Construction or purchase of building  (c) Provision of machinery or plant
4.	Manufacturing downstream activities of palm oil products	(a) Oleochemical  (b) Biofuel  (c) Trans fat free food products	(a) Construction or purchase of factory  (b) Construction or purchase of building  (c) Provision of machinery or plant

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualifying activity	(4) Qualifying capital expenditure
5.	Manufacturing downstream activities of medium and heavy industries	<p><i>(a)</i> Urea and ammonia production</p> <p><i>(b)</i> Solar panel</p> <p><i>(c)</i> Marine supply base and fabrication yard</p> <p><i>(d)</i> Iron ore pellets</p> <p><i>(e)</i> Hot briquette iron</p> <p><i>(f)</i> Combined cycle power plant</p>	<p><i>(a)</i> Construction or purchase of factory</p> <p><i>(b)</i> Construction or purchase of building</p> <p><i>(c)</i> Provision of machinery or plant</p>
6.	Education hub	<p><i>(a)</i> Private universities</p> <p><i>(b)</i> Private colleges</p> <p><i>(c)</i> Training centres</p> <p><i>(d)</i> Skill training centres</p>	Construction or purchase of building, machinery or plant
7.	Marine downstream activities	Manufacturing of aquatic product	<p><i>(a)</i> Construction or purchase of factory</p> <p><i>(b)</i> Construction or purchase</p>

(1) No.	(2) Sector	(3) Qualifying activity	(4) Qualifying capital expenditure
			<p>of building</p> <p><i>(c)</i> Provision of machinery or plant</p>
8.	Shipping	Ship building repairs	<p><i>(a)</i> Construction or purchase of factory</p> <p><i>(b)</i> Construction or purchase of building</p> <p><i>(c)</i> Provision of machinery or plant</p>

## SCHEDULE 2

(1) (No.)	(2) Halal product/process	(3) Qualifying activity	(4) Qualifying capital expenditure
1.	<p>Production of Halal product</p> <p><i>(a)</i> Downstream processing of agricultural produce</p> <p><i>(b)</i> Development and production of Halal products</p>	<p><i>(a)</i> Pharmaceuticals or biopharmaceuticals</p> <p><i>(b)</i> Biodiagnostics</p> <p><i>(c)</i> Food or feed supplements</p> <p><i>(d)</i> Horticultural product</p> <p><i>(e)</i> Nutraceuticals</p> <p><i>(f)</i> Microbial and probiotics</p> <p><i>(a)</i> Cell or tissue cultures</p> <p><i>(b)</i> Biopolymers</p> <p><i>(c)</i> Biomaterials</p>	<p><i>(a)</i> Construction or purchase of factory</p> <p><i>(b)</i> Construction or purchase of building</p> <p><i>(c)</i> Provision of machinery or plant</p>



(1) (No.)	(2) Halal product/process	(3) Qualifying activity	(4) Qualifying capital expenditure
	<i>(c)</i> Development of Halal process	<i>(a)</i> Biotechnology process for waste treatment	

Made 31 December 2018

[Perb. 0.3865/73(SJ.133-3)]ld.3; LHDN.01/35/(S)/42/51/231-38; PN(PU2)XCII/80]

DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BINTI DR. WAN ISMAIL  
*Deputy Prime Minister*  
*exercising the functions of the Minister of Finance*

*[To be laid before the Dewan Rakyat pursuant to subsection 127(4) of the Income Tax Act 1967]*